

13 APR 1997

Semarak

TAPAK PELANCARAN SEMARAK JADI TARIKAN PELANCONG

KANGAR, 13 April (Bernama) -- Tapak pelancaran program Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) peringkat negeri Perlis di Sungai Batu Pahat dekat sini kini menjadi pusat percutian ala kampung yang istimewa.

Kerajaan negeri telah menswastakan 14 unit rumah tradisional di tapak itu kepada Utara SEMARAK Resort sejak tahun lepas bagi meningkatkan daya pengurusannya.

Pengurus Besar Utara SEMARAK Resort, Azahari Abdul Aziz berkata setiap rumah tradisional tiga bilik itu disewa pada kadar RM50 sehari dan ia merupakan tawaran istimewa memandangkan ia menyediakan kemudahan terkini.

"Kami akan memastikan tapak SEMARAK yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 10 tahun lalu kekal terpelihara. Kami kini banyak menerima tempahan pelanggan," katanya kepada Bernama di sini.

Azahari berkata Utara SEMARAK Resort turut menyediakan sebuah dewan terbuka untuk seminar, tapak unggun api, dobi, perubatan tradisional, peralatan perkhemahan, pakej golf, memancing dan kemudahan berbasikal.

"Kami juga menyediakan perkhidmatan sukan udara termasuk mikrolight kepada pelanggan," katanya.

Beliau mberkata Utara SEMARAK Resort wujud hasil pengorbanan ribuan penduduk kampung serta pemimpin politik yang bergotong royong membersihkan kawasan hutan di situ dan membina rumah-rumah tradisional yang dinamakan mengikut kawasan dewan undangan negeri.

Sebelum diswastakan, kawasan berkenaan dikenali sebagai Taman Rekreasi Rakyat. -- BERNAMA

AD HJ MAI